

Governans Kelestarian dalam Pengurusan Ekopelancongan di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Pengalaman di Paya Indah Wetlands

Mohamad Fauzi bin Mohamad Saruman (P81305)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email:

Pernyataan Masalah: Ekopelancongan mampu memberikan hasil kepada negara serta membuka peluang pekerjaan khususnya kepada masyarakat setempat. Ia amat berpotensi untuk dimajukan di Malaysia yang kaya dengan sumber hutan, tanah tinggi, tasik, sungai dan laut. Antara agensi kerajaan yang terlibat dalam pengurusan ekopelancongan di Malaysia ialah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Tourism Malaysia.

Objektif: Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pihak berkepentingan dalam memajukan ekopelancongan di Semenanjung Malaysia, menganalisis peranan dan kerjasama yang dijalankan, menghuraikan peranan dan kerjasama yang dilakukan serta membangunkan satu Model Kerjasama yang ideal dalam aspek governans kelestarian ekopelancongan. **Metodologi:** Skop Kajian kes dijalankan di Paya Indah Wetlands (PIW). Governans kelestarian yang dikaji tertumpu kepada jenis hierarki, pasaran dan rangkaian. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen primer (akta, undang-undang, peraturan, SOP dan Pelan) serta dokumen sekunder (temubual dengan pegawai utama yang terlibat membuat dasar di agensi kerajaan). Data diperolehi dianalisis menggunakan NVIVO 11. **Kesimpulan:** Jangkaan hasil kajian ialah mengetahui jenis governans kelestarian yang digunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan dalam pengurusan ekopelancongan di Semenanjung Malaysia serta sama ada menggunakan satu, kombinasi dua atau pun kombinasi tiga jenis governans kelestarian.

Analisis Tingkah Laku dalam Pengurusan Sisa Makanan di Hotel: Kajian Kes Pulau Langkawi

Saraswathy a/p Kasavan (P80746), Ahmad Fariz Mohamed dan Sharina Abdul Halim

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: saraswathy50@yahoo.com

Pernyataan Masalah: Sisa makanan merupakan satu komponen yang paling tinggi daripada jumlah keseluruhan sisa pepejal, dan pengurusan sisa makanan di sektor hospitaliti masih kurang diberi tumpuan, khususnya dalam penyelidikan dan penerbitan. Oleh itu, bidang pengurusan sisa makanan bagi sektor perhotelan mesti dikaji secara mendalam untuk mengurangkan penghasilan sisa makanan daripada sektor perhotelan dan mencapai tahap mesra alam sekitar. **Objektif:** Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap pemahaman terhadap kelestarian pengurusan sisa makanan melalui pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) dalam kalangan pihak pengurus hotel. Kedua, menentukan hubungan pengetahuan dan sikap dengan amalan semasa pengurus hotel ke arah pengurusan sisa makanan secara lestari. Ketiga, meneliti cabaran dalam kelestarian pengurusan sisa makanan di sektor perhotelan di Pulau Langkawi. Keempat, mencadangkan satu kerangka pengurusan sisa makanan secara lestari yang dapat digunakan dalam sektor perhotelan. **Metodologi:** Kaedah digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif iaitu soal selidik untuk mendapatkan maklumat mengenai pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) bagi pihak pengurus hotel. Kaedah kedua adalah kaedah kualitatif iaitu temubual semi-struktur dan pemerhatian bersama-sama dengan pihak pengurus sisa makanan di hotel. **Kesimpulan:** Rasional kajian ini adalah untuk memberikan satu penghuraian komprehensif tentang mekanisme pengurusan sisa makanan semasa bagi sektor perhotelan di Pulau Langkawi. Sehubungan itu, hasil kajian ini boleh mempertingkatkan perancangan, pelaksanaan, penilaian dan pemantauan mengenai pengurusan sisa makanan secara lestari kepada pengusaha hotel untuk mengekalkan kedudukan hotel yang hijau. Dapatkan kajian ini dipercayai berguna dan dapat memberikan maklumat dan idea kepada organisasi perhotelan tentang mengurangkan hasilan sisa makanan. Kajian ini akan menjadi satu sumber rujukan mengenai pengurusan sisa makanan secara lestari di sektor perhotelan bagi penyelidikan berterusan pada masa hadapan.

Kajian Kecelikan Perundangan Pegawai Penguatkuasaan Undang-Undang Alam Sekitar di Malaysia

Cheryl Stephen A/L Jeganathan (P72518), Muhammad Rizal bin Razman,
Sharifah Zarina Syed Zakaria dan Shaharuddin Mohamad Ismail

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: zaberec@gmail.com

Pernyataan Masalah: Kelemahan penguatkuasaan telah menyebabkan kes pembakaran terbuka menjadi satu isu yang kritikal di Malaysia. Salah satu cabaran dalam penguatkuasaan perundangan adalah berkenaan pengetahuan (kecelikan perundangan) pegawai penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Walau bagaimanapun, kecelikan perundangan itu sendiri mempunyai definisi yang luas. Oleh itu, untuk menentukan kecelikan perundangan iaitu pendekatan kontinum dan kecelikan perundangan sebagai metafora. Kajian ini mengetengahkan permasalahan pokok samada kecelikan perundangan pegawai penguatkuasaan JAS dapat ditentukan oleh salah satu atau kombinasi pendekatan tersebut. **Objektif:** Tujuan awal kajian ini adalah untuk mengenalpasti undang-undang alam sekitar berkenaan dengan pembakaran terbuka dan aturcara proses penguatkuasaan yang digunakan berkenaan pembakaran terbuka di Malaysia. **Metodologi:** Kaedah yang digunakan adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisa dokumen dan temubual dengan pihak berkepentingan. **Hasil:** Analisa dokumen menunjukkan bahawa undang-undang alam sekitar berkenaan pembakaran terbuka yang utama adalah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 2012) dengan sokongan perintah dan kaedah subsidiarinya iaitu Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Diisyiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2000 dan Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pembakaran Terbuka) 2000. Aturcara proses penguatkuasaan undang-undang alam sekitar pula melibatkan pelbagai tahap sebelum sesuatu kes dibawa ke mahkamah. Apabila terdapat kes pembakaran terbuka yang dikesan, pegawai serbuan JAS akan menjalankan penyiasatan keatas kes tersebut. Laporan siasatan akan disediakan dibimbing berdasarkan Aturan Tetap Operasi (SOP). Laporan siasatan tersebut seterusnya dikemukakan kepada penyelia pegawai serbuan untuk pertimbangan pengesyoran dan kelulusan samada kes ini akan dibawa ke mahkamah. Sekiranya penyelia pegawai serbuan meluluskan laporan siasatan tersebut untuk dibawa ke mahkamah, laporan tersebut akan dikemukakan kepada Pengawai Penyiasat sebagai kertas siasatan. Pengawai Penyiasat (jika perlu) akan mengadakan perundingan Penasihat Undang-undang sebelum mengemukakan kertas siasatan tersebut kepada Ketua Unit Pendakwaan di Jabatan Peguam Negara. Pendaftaran tersebut kes akan dilakukan di Unit Pendakwaan Negeri. Pengawai Pendakwaan daripada Unit Pendakwaan Negeri akan membawa kes tersebut ke mahkamah. **Kesimpulan:** Daripada kajian awal ini, undang-undang alam sekitar terhadap pembakaran terbuka telah dikenalpasti dan aturcara proses penguatkuasaan yang dibincang telah membawa kepada pengenalan struktur responden dan penyediaan set soalan temubual. Langkah seterusnya adalah untuk menjalankan temubual dengan pegawai penguatkuasaan menggunakan pendekatan kecelikan perundangan.

Penjanaan Ilmu Kelestarian dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia

Farhah Izzati Zubir (P88777), Shaharudin Idrus dan Shaharuddin Mohamad Ismail

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Emel: zettyzubir@gmail.com

Pernyataan Masalah: Pendidikan untuk pembangunan lestari di peringkat universiti menjadi salah satu platform untuk proses pengembangan ilmu kelestarian dalam kalangan mahasiswa. Persoalannya, di manakah kedudukan universiti di Malaysia dalam mengetengahkan pelaksanaan pendidikan untuk pembangunan lestari setanding dengan universiti luar negara dalam konteks kelestarian? Oleh itu, adalah perlu bagi kajian ini dilakukan untuk mengkaji penjanaan ilmu kelestarian dalam kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi mencapai matlamat pendidikan untuk pembangunan lestari. **Objektif:** Terdapat tiga objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu: i. Untuk meneliti program-program yang berkaitan pendidikan dan pengurusan alam sekitar pada peringkat universiti di Malaysia; ii. Untuk menganalisis senarai program dalam pendidikan dan pengurusan alam sekitar di UKM; iii. Untuk menganalisis kesinambungan program dalam pendidikan dan pengurusan alam sekitar dalam kalangan mahasiswa UKM; dan iv. Membangunkan model penjanaan ilmu kelestarian untuk diterapkan dalam program pendidikan dan pengurusan alam sekitar di UKM. **Metodologi:** Kajian ini menuntut pendekatan kualitatif iaitu kaedah temubual secara muka-ke-muka kumpulan responden dan juga analisis dokumen dan pencarian maklumat atas talian melalui laman sesawang rasmi universiti-universiti di Malaysia. Pendekatan kuantitatif juga dilaksanakan iaitu soal selidik berstruktur bagi proses pengumpulan data mengenai tahap kefahaman, persepsi, sikap dan penglibatan mahasiswa dalam penjanaan ilmu kelestarian. **Hasil:** Kajian ini dijangka dapat menghasilkan inventori atau senarai semak yang lebih komprehensif program-program berkaitan pendidikan dan pengurusan alam sekitar mengikut universiti di Malaysia dan juga di UKM serta dapat menentukan tahap kesinambungan ilmu kelestarian yang dijana mengikut tahap pengajian mahasiswa dan sukanan kurikulum di universiti. **Kesimpulan:** Universiti di seluruh dunia kini menggunakan pendekatan pendidikan untuk pembangunan lestari bagi merealisasikan agenda pembangunan lestari dengan penglibatan mahasiswa sebagai egen perubahan dalam melestarikan alam sekitar, masyarakat dan ekonomi pada peringkat organisasi universiti.

Cabaran dan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Sikap Masyarakat Awam Terhadap Kaedah Pengawalan dan Pencegahan Denggi di Malaysia

Ahmad Firdhaus Bin Arham^a (P80769), Latifah Amina^b dan Muhammad Rizal Razman^a

^aInstitut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

^bCITRA UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Email: firdhaikal@gmail.com

Pernyataan Masalah: Denggi merupakan penyakit berjangkit yang menyebarkan virus melalui gigitan nyamuk Aedes. Mengikut tren semasa denggi boleh mendatangkan kemudaratan yang membawa kepada peningkatan kes denggi sekaligus menjadi punca kematian. Di Malaysia, laporan peningkatan kes yang melibatkan nyamuk Aedes telah meningkat 75.9% pada tahun 2015. Virus Denggi mempunyai implikasi gejala dan tanda-tanda yang tidak khusus seperti demam mengejut, sakit kepala, sakit otot, sakit sendi, ruam dan sakit di belakang mata. Punca penyebarannya bermula dari takungan air yang menyebabkan pembiakan nyamuk Aedes. Lawatan dan hijrah lokasi juga menjadikan punca penyebaran apabila mangsa berpindah atau melawat ke kawasan baru seterusnya digigit oleh nyamuk yang berjangkit atau mereka sendiri yang membawa virus tersebut yang telah meresap dalam saluran darah mereka. Kini terlalu banyak kaedah pengawalan dan pencegahan denggi yang diperkenalkan tetapi kes denggi tetap meningkat di Malaysia. Faktor-faktor yang mempengaruhi sikap menjadi cabaran dan perbincangan apabila kesedaran terhadap kaedah pengawalan dan pencegahan denggi di Malaysia menjadi faktor utama kegagalan menangani masalah ini. **Objektif:** Kajian ini adalah untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi sikap masyarakat awam terhadap kaedah pencegahan dan pengawalan denggi di Malaysia merentas pembolehubah latar belakang yang berbeza. **Metodologi:** Kajian ini telah dijalankan ke atas 126 orang awam di sekitar Lembah Klang melalui kaedah soal selidik untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi sikap masyarakat awam terhadap kaedah pengawalan dan pencegahan denggi di Malaysia. **Keputusan:** Terdapat korelasi yang jelas merujuk terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi sikap masyarakat ke atas alam semulajadi, teknologi dan keagamaan yang mempengaruhi persepsi masyarakat awam terhadap kaedah pengawalan dan pencegahan denggi di Malaysia. **Kesimpulan:** Maka untuk menyelesaikan masalah gejala Denggi ini, aspek kesedaran di kalangan masyarakat awam perlu bagi menjawab persoalan sikap terhadap kaedah pengawalan dan pencegahan denggi ini. Sekiranya persoalan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap ini dapat ditangani secara berperingkat pasti matlamat kelestarian alam sekitar dapat dilaksanakan secara total.

Implementasi Dan Penerapan Pendidikan Pembangunan Lestari (ESD) di Institut Pendidikan: Kajian di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor

Syed Zahirruddin Bin Syed Zakaria^a (P80179), Muhammad Rizal Razman^a dan Azahan Awang^b

^aInstitut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

^bFakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: aljuffry82@gmail.com

Pernyataan Masalah: Kajian ini mengkaji empat pendekatan dalam menerapkan Pendidikan Pembangunan Lestari (ESD) di institut pengajian tinggi yang dipilih iaitu Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam Bangi yang mendidik bakal guru. Empat pendekatan tersebut ialah pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan persekitaran. Oleh yang demikian, kajian ini mengetengahkan permasalahan pokok iaitu adakah kejayaan proses implementasi kelestarian ini yang tersebut diatas dipengaruhi oleh salah satu pendekatan atau kombinasi di antara empat pendekatan yang disebut diatas iaitu pengurusan kampus, kurikulum, kokurikulum dan persekitaran kampus. **Objektif:** Mengkaji hubungkait proses penerapan pendidikan pembangunan lestari (ESD) diantara empat pendekatan iaitu pengurusan kampus, kokurikulum, kurikulum dan persekitaran kampus di institusi pengajian tinggi tumpuan kepada Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam, Bangi. **Metodologi:** Kajian ini menggunakan kaedah orientasi kualitatif. Kajian ini khusus kepada kajian kes kampus lestari daripada perspektif pelaksanaan di peringkat pengajian tinggi. Ia melibatkan pengumpulan maklumat daripada dokumen utama yang telah diterbitkan dan juga dokumen yang melibatkan program-program yang dilaksanakan di kampus tersebut iaitu Pelan Strategik 2016-2020 Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPG KPI) Bangi, Laporan Tahunan 2015 IPG KPI Bangi, Laporan Tahunan 2015 IPG Lestari IPG KPI Bangi dan Laporan Tahunan 2014 IPG Lestari IPG KPI Bangi. Dokumen yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Nvivo versi 11. Dengan menggunakan perisian berkenaan, skema pengekodan telah dibina dan diuji untuk menghasilkan model analitikal yang mengandungi tema dan juga sub tema. **Hasil:** Keseluruhan analisis dokumen ini mengandungi 8 tema utama dan 17 sub tema bagi menggambarkan faktor-faktor yang mempengaruhi proses penerapan dan implementasi Pendidikan Pembangunan Lestari (ESD). Dalam analisis dokumen yang dibuat terhadap empat dokumen, didapati bahawa sejumlah 409 perenggan yang menggambarkan keseluruhan pendekatan yang dikaji. **Kesimpulan:** Melalui dapatan analisis dokumen yang dijalankan, didapati empat pendekatan yang dikaji iaitu kurikulum, kokurikulum, persekitaran dan pengurusan mempunyai kebergantungan diantara pendekatan-pendekatan yang diterapkan. Ini menunjukkan usaha untuk menerapkan nilai-nilai kelestarian di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bangi memerlukan kesemua pendekatan tersebut bagi menyokong usaha implementasi Pendidikan Pembangunan Lestari (ESD).